

13 DEC 2001

Dr Mahathir-Sambutan

PM AKAN JADI TETAMU KEHORMAT RUMAH TERBUKA AIDILFITRI JOHOR

JOHOR BAHRU, 13 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi tetamu kehormat pada sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Dataran Bandaraya di sini pada 22 Disember depan.

Selain Perdana Menteri, Tengku Mahkota Johor, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan lima orang Menteri Kabinet Singapura akan turut hadir memeriahkan majlis yang dijangka akan disertai kira-kira 100,000 tetamu.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Pelancongan Negeri, Datuk Dr Chua Soi Lek berkata seramai 50,000 daripada tetamu sambutan itu membabitkan rakyat Singapura dan pelancong asing dari republik itu.

Majlis tersebut akan berlangsung dari pukul 10 pagi hingga 4 petang.

"Secara tidak langsung, kunjungan pada hari itu bukan sahaja akan memperkenalkan pelbagai juadah dan kebudayaan tradisional tempatan, malah ia dapat menyemarakkan lagi industri pelancongan di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan 50 bungkusan kuih raya kepada pegawai Imigresen dan Kastam yang bertugas di Tambak Johor di sini.

Katanya Johor merupakan negeri pertama yang dipilih menjadi tuan rumah kepada majlis sambutan peringkat kebangsaan yang akan dianjurkan bersama kerajaan negeri dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Menurut beliau penganjuran rumah terbuka secara besar-besaran itu akan membabitkan pelbagai lapisan masyarakat, sekaligus melambangkan suasana keharmonian dan perpaduan, lebih-lebih lagi ia membabitkan dua negara yang berjiran.

Dr Chua berkata bagi memudahkan orang ramai mengunjungi majlis itu, pihak penganjur akan menyediakan perkhidmatan bas dari hotel ke Dataran Bandaraya Johor Baharu dan dari stesen bas Newton Circus di Singapura untuk rakyat Singapura .

"Perkhidmatan bas itu akan diadakan setiap setengah jam dan setiap pemeriksaan di kaunter imigresen dan kastam Malaysia akan dilonggarkan pada hari itu," katanya.

-- BERNAMA

RAM LAT